

Rak Penerbitan Al Muhallab bin Abi Sufra dirasmikan



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (tengah) bersama Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam (dua, kanan) merasmikan Rak Penerbitan Al Muhallab bin Abi Sufra.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

TANAH JAMBU, Khamis, 8 Oktober. - Sebagai salah satu usahanya untuk mempromosikan kebudayaan Oman di negara ini, Kedutaan Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam (NBD) merasmikan sebuah lagi Rak Penerbitan dan kali ini bertempat di Perpustakaan Akademi Pertahanan, di sini.

Ini merupakan Rak Penerbitan yang kelima seumpamanya setelah empat sudut penerbitan Oman lainnya dirasmikan di perpustakaan universiti-universiti utama di negara ini, di mana yang pertama telah dirasmikan di Perpustakaan Universiti Islam

Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada Februari 2016.

Hadir merasmikan Rak Penerbitan Al Muhallab bin Abi Sufra itu ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashel Al-Maskari.

Rak Penerbitan yang mengambil nama bersempena seorang jeneral ketenteraan terkenal keturunan Oman yang hidup pada tempoh

632 hingga 702 Masihi itu mengandungi lebih 100 buah buku terbitan menentang sumbangan yang dibuat oleh para cendekiawan terkenal dalam beberapa cabang ilmu.

Rak Penerbitan tersebut juga mengandungi beberapa koleksi bacaan santai yang menarik mengenai sejarah, geografi, budaya, tradisi, kesusasteraan dan

RAK Penerbitan tersebut mengandungi beberapa koleksi bacaan santai yang menarik mengenai sejarah, geografi, budaya, tradisi, kesusasteraan dan warisan Kesultanan Oman.

warisan Kesultanan Oman.

Al Muhallab bin Abi Sufra Al Azdi, merupakan seorang pemimpin Oman zaman dulu kala yang unggul dalam seni perang dan meraih kemenangan, termasuk dalam pengurusan wilayah dan penyatuan kedaulatan, di mana dia terbukti sebagai tentera profesional dan ahli politik berpengalaman.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam dalam ucapan alu-aluannya pada majlis tersebut antara lain berkata, Perasmian Rak Penerbitan tersebut merupakan salah satu faktor yang paling kukuh dan wahana asas dalam penyebaran dan pemeliharaan pengetahuan serta pertukaran budaya, iaitu buku dan ia berfungsi selaras dengan inisiatif kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah membangun bangsa pembaca (*building a nation of readers*).

Sementara itu, Pemangku Komandan Akademi Pertahanan, Leftenan Kolonel Hajah Suriyati binti Haji Junaidi menyampaikan penghargaan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak

Kesultanan Oman atas sumbangan penerbitan yang mengagumkan itu dan ia setentunya akan memberi para profesional Akademi Pertahanan lebih banyak nilai akademik.

Leftenan Kolonel Hajah Suriyati turut menghargai usaha baik pihak Kedutaan Kesultanan Oman, di mana ia akan memperkuatkan lagi hubungan diplomatik yang telah terjalin di antara kedua-dua negara dan kerjasama ketenteraan yang semakin berkembang antara kedua Angkatan Bersenjata.

Bersempena dengan perasmian tersebut, TYT Sheikh Ahmed bin Hashel Al-Maskari turut menyumbangkan sebuah potret gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bin Said semasa lawatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman pada tahun 2009.



MRSB adakan Majlis Khatam Al-Quran



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Penaung Jawatankuasa Takmir MRSB (dua, kiri); Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (kiri); dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kanan) semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Program Membaca Al-Quran 1 Minggu 1 Khatam.

SUNGAI AKAR, Jumaat, 9 Oktober. - Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) mengadakan

Majlis Khatam Al-Quran bagi Program Membaca Al-Quran 1 Minggu 1 Khatam (IM1K) selepas Sembahyang Fardu

Maghrib Berjemaah yang diadakan di MRSB, di sini.

Majlis berkenaan merupakan kesinambungan bagi Program

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

IM1J yang dilancarkan pada 5 Julai 2020 lalu dengan gabungan peserta Kelas Taranum Al-Quran dan Kelas Murattal yang baru sahaja melengkapkan bacaan sebanyak 30 juzuk.

Seramai 190 peserta menyertai majlis khatam ini yang dibahagikan kepada enam kumpulan dan turut disertai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong selaku Penaung Jawatankuasa Takmir MRSB.

Juga menyertai Majlis Khatam tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Terdahulu bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas

dipimpin oleh Imam MRSB, Saadullah bin Haji Salleh dan diikuti dengan bacaan Aasmul Husna yang dipimpin oleh Imam MRSB, Mohd Arif bin Haji Johari.

Sementara itu, bacaan Doa Khatam dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid MRSB, Awang Haji Symsul Nizam bin Haji Badar.

Antara tujuan majlis tersebut diadakan ialah bagi menggalakkan para peserta persendirian dan kumpulan yang terdiri daripada para warga emas, belia dan kanak-kanak serta penduduk Kampung Sungai Akar dan sekitarnya di samping sebagai penggalak untuk membaca Al-Quran secara Istiqamah.

Turut hadir ialah Penasihat-penasihat Jawatankuasa Takmir MRSB. Majlis Khatam tersebut turut disiarkan langsung secara dalam talian menerusi laman media sosial, Facebook MRSB.